

UPAYA BAHASA MELAYU MENONGKAH ARUS GLOBALISASI

Muhammad Saiful Haq Bin Hussin (Ph.D)
Jabatan Bahasa Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Abstrak

Kertas kerja ini memperlihatkan bahawa bahasa Melayu adalah sebagai bahasa dunia. Fakta sejarah cukup jelas melakarkannya. Bahasa Melayu telah muncul sebagai *lingua franca* yang mendominasi medium perhubungan di antara negeri-negeri Melayu dengan orang asing dan negara-negara luar. Namun usaha yang berterusan perlulah dipupuk bagi melestarikan 'Bahasa Melayu sebagai Bahasa Dunia' dalam abad-abad yang mendatang. Paparan bukti dan fakta yang digalurkan jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu sememangnya bahasa yang bertaraf dunia. Kemunculan era TMK haruslah dimanfaatkan dengan sebaik mungkin bagi membolehkan bahasa Melayu terus kekal dipersada dunia. Oleh hal yang demikian, usaha yang berterusan haruslah dipikul bersama oleh pengguna dan perancang bahasa Melayu serta upaya politik di seluruh dunia bagi tujuan penyebarannya, agar pelestariannya akan berterusan menunjangi pemerksaan dan pemartabatannya sebagai 'Bahasa Dunia'.

Pengenalan

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang telah terlakar dalam peta dunia sebagai bahasa yang mempunyai pensejarahannya yang tersendiri. Kemampuan Bahasa Melayu menjadi bahasa *lingua franca* (bahasa perantaraan) bagi daerah-daerah kepulauan Melayu sejak zaman-berzaman terpatat kukuh dalam lipatan sejarah perkembangannya. Fakta sejarah ini tidak dapat disangkal lagi. Bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa perhubungan antara orang-orang yang tinggal di kepulauan Melayu dan orang-orang mendatang seperti pedagang-pedagang dan pengembara-pengembara dari Eropah, Asia Tengah, Cina dan India. Tugas dan peranan Bahasa

Melayu sebagai alat berkomunikasi dan sebagai alat penyebaran ilmu akan tetap dimainkannya dari semasa ke semasa.

Menongkah Arus Globalisasi

Dalam usaha merancang masa hadapan kemajuan sesebuah negara persoalan yang paling penting ialah bagaimanakah kemampuan untuk menghadapi cabaran yang paling besar dalam mendepani arus ledakan teknologi maklumat yang menjurus kepada dunia yang begitu global sifatnya. Kesediaan dan kemampuan serta kesediaan untuk meletakkan asas yang kukuh bagi mengharungi dan menongkah arus globalisasi yang sangat deras dan bergelora ini haruslah diteruskan. Dalam soal ini juga adakah kita berupaya untuk memberikan respon yang sewajarnya terhadap kehendak pasaran yang bersifat begitu liberal, agresif dan *'forceful'*.

Adakah kita berupaya untuk menduniakan bahasa Melayu bagi melahirkan masyarakat berpengetahuan dan berilmu. Cabaran yang paling besar pada abad ini kelihatan menjangkau percaturan politik, krisis ekonomi serta kemelut sosial bagi memperlihatkan keupayaan kita menggunakan ilmu. Pembangunan pesat teknologi hasil dari ledakan teknologi maklumat dan proses globalisasi yang pantas telah menjadi penyumbang utama kepada proses membentuk *'the next society'* yang berasaskan kepada teknologi maklumat bagi memenuhi proses "Pendigitalan Masyarakat". Usaha ini perlulah dipertingkatkan. Sesungguhnya peranan sektor pendidikan khususnya pendidikan tinggi begitu penting sekali dalam membantu negara dan dunia membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan dan masyarakat yang demokratik. Penubuhan sekolah bestari sebagai pemangkin yang dijangkakan akan selesai sehingga 2016 adalah penjujukan ke arah matlamat tersebut. Dari satu sudut yang lain pula, kekayaan dan kejayaan

sesebuah negara akan bergantung kepada keupayaan warganya melahir dan menggunakan ilmu pengetahuan. Masyarakat yang akan datang adalah masyarakat yang berpengetahuan. Ilmu pengetahuan adalah sumber yang paling penting dan gunatenaga yang berpengetahuan adalah kumpulan yang akan mendominasi pasaran kerja pada masa yang akan datang. Di sini lah letaknya kepentingan penyebaran bahasa Melayu ke seluruh dunia bagi melengkapinya tuntutan yang sangat kompleks ini.

Oleh hal yang demikian, maka tiga saluran utama yang harus diambil kira oleh pengubal dasar dan pengamal pendidikan dalam merangka strategi dan dasar pendidikan negara dalam kurun ini ialah; menilai kesan globalisasi terhadap pendidikan; kemampuan untuk menjana perubahan dari impak globalisasi ini dan akhirnya ialah memenuhi kepentingan dan falsafah pendidikan itu sendiri bagi melahirkan masyarakat yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmaninya. Aliran atau *trend* ini sesungguhnya menjadi asas kepada peranan baru dunia pendidikan dalam dunia yang sangat sejagat sifatnya ini. Yang pasti, institusi pendidikan terutamanya pada peringkat pengajian tinggi perlu memikirkan dengan mendalam cabaran-cabaran ini dan memastikan ianya relevan dalam persaingan global pada masa hadapan.

Globalisasi dan Dampaknya Terhadap Pendidikan

Masyarakat dalam dunia pendidikan harus sedar bahawa proses globalisasi telah mendatangkan impak yang sangat besar kepada bidang pendidikan terutamanya pada peringkat pendidikan tinggi sepertimana ia mengubah dan memberikan kesan kepada masyarakat perniagaan, pekerja serta masyarakat pengguna. Jika kita hanya berharap untuk terus relevan dan menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan tenaga kerja yang bertaraf dunia maka ia harus

memahami evolusi globalisasi itu dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk menyediakan gunatenaga yang bersedia untuk bersaing dalam persekitaran sejagat yang sangat kompleks dan kompetitif sifatnya itu.

Oleh hal yang demikian haruslah disedari bahawa kita sudah beralih dari konsep pendidikan tradisional kepada konsep pendidikan yang lebih rencam sifatnya. Pelbagai strategi, pendekatan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran perlulah dipelbagaikan, iaitu dengan menggunakan kaedah pengajaran yang 'multimodel', dengan bahasa pengantar yang berteraskan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Kesan globalisasi ini yang didorong oleh kepesatan teknologi maklumat memerlukan bahasa Melayu berkeupayaan untuk bersaing pada peringkat global walaupun pada masa yang sama harus terus menguasai bahasa-bahasa lain sebagai bahasa ilmu dalam bidang disiplinnya masing-masing.

Penyebaran Bahasa Melayu

Dalam hal ini Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang nama asalnya Balai Pustaka dan ditubuhkan pada 22 Jun 1956 berfungsi sebagai pemacu untuk menggerak dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Selain daripada DBP <http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php> yang diberikan peranan untuk menyusun rancangan pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera Melayu, umpamanya sehingga kini, entri dalam perkamusan Melayu sudah menjangkau 100 000 perkataan, namun dalam korpus pula dikatakan sudah mencecah sehingga 132 000 000 perkataan yang mewakili pelbagai bidang disiplin ilmu. Oleh hal yang demikian, tidak timbul lagi persoalan yang mengatakan bahawa bahasa Melayu tidak berupaya untuk mengungkapkan pelbagai bidang disiplin ilmu.

Selain daripada itu, terdapat pelbagai institusi lagi yang turut sama memainkan peranan bagi menyebarkan bahasa Melayu, antaranya ialah melalui kerjasama kebahasaan yang telah sedia terjalin dan perlu dipertingkatkan lagi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei http://www.dbp.gov.bn/library_Info/main.htm, Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) <http://dbp.gov.my/mabbim/main.php>, Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM), Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA), Pusat Bahasa Indonesia, Institut Terjemahan Negara Malaysia <http://www.itnm.com.my/> dan Persatuan Penterjemah Malaysia.

Demikian juga halnya dengan akhbar-akhbar berbahasa Melayu yang boleh dicapai melalui laman-laman web seperti Berita Harian <http://www.bharian.com.my/>, Utusan Malaysia <http://www.utusan.com.my/> yang turut memberi ruang kepada bahasa Melayu dan sastera Melayu yang boleh diakses melalui versi digitalnya, serta lain-lain akhbar lagi. Demikian juga dengan laman web e-sastera.com <http://esastera.com> atau <http://www.e-sastera.com>. Sebagaimana dakwaan pembangun laman web tersebut yang menyatakan:

“Keinginan e-sastera.com untuk mewujudkan kesatuan dalam bahasa dan sastera Melayu telah menyebabkan diwujudkan komuniti baru ‘eSastera Indonesia’.”

(Wan Abu Bakar Wan Abas: 2008)

yang bertujuan untuk mempertingkatkan interaksi dua hala dan akhirnya akan merealisasikan hasrat untuk mewujudkannya sebagai milik bersama di antara malaysia dan Indonesia. Kalau dahulu didapati mereka yang berada jauh diperantauan dan halangan komunikasi yang dijarakkan oleh pelbagai halangan namun hari ini semua permasalahan itu telah dapat di atasi

melalui peranan yang dimainkan oleh Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) yang mendominasi sistem perhubungan dan penyebaran maklumat yang sangat efisien.

Malah, dalam perkembangan sistem TMK yang begitu pantas juga membolehkan pelbagai maklumat disalurkan melalui laman-laman sesawang yang boleh dicapai pada bila-bila masa dan di mana sahaja asalkan sistem telekomunikasi boleh berfungsi. Kewujudan *blog* <http://www.drmuhammadsaifulhaq.blogspot.com> yang di pelopori oleh *bloggers* juga memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat khususnya melalui bahasa Melayu kerana ianya dapat diakses tanpa sempadan masa dan geografi, namun pemaparan maklumat yang tepat dan berfakta perlulah diambilkira.

Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan

Sejak dahulu lagi didapati bahawa ‘Standardisasi Bahasa’ yang dicatatkan oleh I-Ching (juga dikenal sebagai Yijing dan I-Tsing) antara 671-695 M (Manguin 1996a), seorang biksu cina memperlihatkan bahawa telah wujud suatu penyelarasan dalam penggunaan bahasa Melayu (Sanskerta) di biara-biara Buddha yang telah dilawatnya. Dia berkata:

Dikota yang dikelilingi benteng, Fo-shih, ditemukan lebih daripada seribu pendeta Buddha yang tekun mempelajari banyak hal, seperti di India, peraturan dan upacaranya sama seperti yang dilakukan di India. Jika seorang pendeta Cina ingin pergi ke Barat untuk mengerti dan membaca [teks Buddha di India], dia dapat tinggal setahun atau dua tahun di Fo-shih dan

mengerjakan peraturan yang baik di sana; kemudian dia dapat pergi ke India Tengah.

(Coedes 1968: 81)

Hal ini membuktikan bahawa bahasa Melayu telah mendominasi sebahagian daripada dunia ini dalam mendukung tugas dan fungsinya sebagai bahasa ilmu. Tugas dan tanggungjawab tersebut dilestarikan oleh bahasa Melayu pada hari ini. Penggunaan dan penyebarannya boleh dilihat dan dicapai melalui laman-laman sesawang seperti di Universiti Malaya (UM) <http://www.um.edu.my/>, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) <http://www.upm.edu.my/>, Universiti Sains Malaysia (USM), Jabatan Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris <http://www.upsi.edu.my/>, dan lain-lain IPT lagi. Usaha-usaha yang berterusan haruslah disemarakkan demi pelestarian sistem ejaan jawi yang semakin kelihatan menjadi suatu sistem tulisan yang akan meninggalkan sejarah kegemilangannya seandainya usaha memartabatkannya tidak diteruskan oleh semua pihak.

Bahasa Melayu dalam Sistem Tulisan Jawi

Kemasukan pengaruh Islam melalui penyebaran agama Islam keseluruh Alam Melayu telah menjadikan perkembangan bahasa Melayu menjadi begitu pesat sekali. Sesuai dengan fungsinya sebagai alat penyebaran dakwah islamiah, maka kosa kata dalam bahasa Melayu bertambah dengan pesatnya. Kepesatan penambahan yang berterusan berlaku ini ditandai dengan zaman kegemilangan Islam melalui kelahiran karya ulama-ulama Aceh yang dipelopori oleh Samsudin al-Sumaterani dan Nuruddin al-Raniri serta Hamzah Fansuri. Pada zaman ini bahasa Melayu yang bermediumkan tulisan jawi (kehebatan bahasa Melayu yang mempunyai dua sistem tulisan,

hanya satu-satunya tulisan dalam dunia yang mempunyainya) telah berjaya mengungkapkan konsep-konsep yang bersifat abstrak terutama dalam membicarakan tentang hakikat ketuhanan. Dalam hal ini peranan bahasa Melayu begitu terkesan dalam mengungkapkan maknanya yang tepat bagi memberikan kefahaman tentang konsep dan hakikat yang tersirat dalam budaya fikir dan benak akal orang Melayu.

Pelestarian sistem tulisan jawi ini, walau pun dilihat sebagai tidak begitu pesat lagi namun masih ada keupayaannya untuk bersaing di peringkat global apabila adanya usaha untuk mendigitalisasikannya melalui sistem multimedia yang ditunjangi oleh medium TMK. Kejayaan ini telah dibuktikan oleh Dr. Khairuddin Omar dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah berjaya mencipta Enjin Transliterasi Rumi ke Jawi <http://www.ftsm.ukm.my/jawi> (Transliteration Engine for Rumi to Jawi – Teruja) yang boleh dicapai melalui pelayar web yang biasa seperti *Internet Explorer* dan *Mozilla Firefox* tanpa batasan tempat dan masa. Melalui usaha penyelidikan dan penemuan sebegini apakah kita masih merasakan yang bahasa Melayu masih belum mampu untuk menongkah arus globalisasi? Melalui inovasi yang unik ini adalah diharapkan agar penggunaan sistem tulisan jawi akan dapat dipertahankan dan seterusnya akan menggalakkan lagi penggunaan tulisan jawi di seluruh dunia demi melestarikan tulisan warisan rumpun Melayu.

Kursi Pengajian Melayu di Dunia

Penubuhan Kursi Pengajian Melayu di luar negara berjaya mencapai sasarannya untuk; meningkatkan kesedaran masyarakat dunia terhadap kebudayaan Melayu, selain sebagai pemangkin dalam peningkatan kerjasama bidang pendidikan dengan universiti berkaitan. Perkara

ini dibuktikan menerusi kajian terhadap empat daripada lima Kursi Pengajian Melayu iaitu dari Universiti Leiden, Belanda; *Ohio University*, Amerika Syarikat; Universiti Wellington, New Zealand dan *Beijing Foreign Studies University*, China. Di Beijing juga bahasa Melayu sudah berjaya dikumandangkan melalui siaran Radio Antarabangsa China (CRI) www.cri.co.cn. atau <http://my.chinabroadcast.cn>. Kali pertama siarannya dipancarkan ialah pada 01 Mac 1959. Siarannya telah dapat diikuti Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam, sebahagian Indonesia dan Selatan Thailand. Pelbagai slot siaran telah dikumandangkan daripada berita semasa hinggalah kepada kebudayaan.

Di antara rancangan yang disiarkan ialah. “Pelancongan di China”, “Budaya Tradisi”, “Suara Sutera”, “Ruangan Pendengar”, “Sinar Islam”, “China –ASEAN”, “Rentak Suara Ramai”, “Irama Klasik” dan “Bahasa Mandarin Mandarin”. Laman web CRI versi bahasa Melayu juga menyediakan maklumat yang menyeluruh dan terkini tentang China termasuk seni budaya, sejarah, pelancongan, masyarakat dan ekonomi. Pelayarnya juga boleh belajar bahasa Mandarin menerusi laman web tersebut. Perkara sedemikian merupakan pencapaian dan perkembangan yang sangat baik dalam usaha penyebaran bahasa Melayu di peringkat dunia. Usaha yang berterusan perlulah dipertingkatkan dan sokongan yang padu daripada semua pihak perlulah digemblengkan bagi mempertingkatkan kualiti berita dan siaran penyiarannya. Jadual frekuensi siarannya boleh dilihat dalam paparan Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Frekuensi Siaran Bahasa Melayu CRI

Negara	Waktu Tempatan	Frekuensi	Gelombang
Malaysia	17.30—18.30	15135	19 meter
Singapura		17680	16 meter
Brunei	20.30—21.30	11955	25 meter
Darussalam		15600	19 meter
Indonesia	16.30—17.30	15135	19 meter
		17680	16 meter
	19.30—20.30	11955	25 meter

		15600	19 meter
--	--	-------	----------

Sumber: <http://malay.cri.cn/501/2008/11/24/181s92163.htm>

Manakala jadual siarannya pula dipaparkan di dalam Jadual 2 yang berikutnya:

Jadual 2: Siaran Bahasa Melayu CRI
(Bermula 1 Januari 2009)

Isnin	Warta Berita 15'00"	Rencana Semasa 10'00"	Pelancongan di China 15'00"		Lagu 5'00"	Bahasa Mandarin Harian 10'00"	
Selasa			Fokus Budaya 15'00"		Lagu 5'00"		
Rabu			Sinar Islam 15'00"		Lagu 5'00"		
Khamis			Suara Sutera 20'00"				
Jumaat			Ruangan Pendengar 15'00"		Lagu 5'00"		
Sabtu			China-ASEAN 10'00"	Rentak Suka Ramai 20'00"			
Ahad			Budaya Tradisi 10'00"	Persada Muzik 20'00"			

Sumber: <http://malay.cri.cn/501/2008/11/24/181s92163.htm>

Usaha sedemikian perlulah dipertingkatkan dari segi kerjasama keahasaannya dengan negara-negara yang telah menerima kewujudan Kursi Pengajian Melayu di negara-negara tersebut, malah usaha mempertingkatkan ke negara-negara lain perlulah terus menerus diusahakan. Satu lagi Kursi Pengajian Melayu di Universiti Pengajian Asing Hankuk, Korea Selatan, telah diluluskan penubuhannya.

The International Institute for Asian Studies, Universiti Leiden, mengakui penubuhan Kursi Eropah bagi Pengajian Melayu di universiti tersebut bukan sahaja memberi impak di Belanda, malah merangkumi negara Eropah lain seperti Jerman dan United Kingdom menerusi kegiatan syarahan serta pembentangan kertas kerja oleh penyandangannya. Penubuhan kursi itu juga memberi pendedahan kepada masyarakat Eropah mengenai Pengajian Melayu seiring peningkatan minat masyarakat benua itu terhadap pengajian Nusantara dan Asia. Menurut kenyataan itu, Kursi Pengajian Melayu di Universiti Wellington didapati bukan saja

meningkatkan pengetahuan mengenai Malaysia di kalangan komuniti sarjana New Zealand, malah membabitkan masyarakat negara itu secara keseluruhannya. Kejayaan itu dicapai menerusi pelaksanaan kegiatan penyebaran Pengajian Melayu seperti Siri *Malay Studies – Saad Annual Lecture* sejak 1998 yang bertujuan memberi penerangan mengenai aspek sosial, ekonomi dan politik Malaysia kepada masyarakat New Zealand dan Asia Pasifik. Katanya, impak Kursi Pengajian Melayu di Universiti Wellington turut merangkumi perkara berkaitan agama Islam menerusi siri syarahan umum seperti syarahan *Islam Hadhari and Good Governance* pada 2005.

Kewujudan kursi itu juga membawa kepada penubuhan Pusat Sumber Malaysia di Universiti Wellington dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia. Kursi Pengajian Melayu di *Beijing Foreign Studies University*, China pula mengukuhkan Pengajian Bahasa Melayu yang dimulakan di universiti itu sejak 1961 iaitu yang pertama ditubuhkan di universiti berkenaan yang turut menawarkan pengajian 20 bahasa asing lain.

Sejak ditubuhkan pada 1980, Kursi Tun Abdul Razak bagi kajian Asia Tenggara di Universiti Ohio berjaya menjadi pemangkin kepada beberapa inisiatif kerjasama dalam bidang pendidikan tinggi antara Malaysia dan Amerika Syarikat. Oleh hal yang demikian penubuhan Kursi Pengajian Melayu ini bukan sahaja berfungsi menyebarkan bahasa Melayu namun ianya turut memberikan maklumat mengenai ekonomi, budaya dan politik yang berkaitan dengan apa yang berkaitan dengan Melayu. Jadual berikut memaparkan nama-nama penyandang dan bekas penyandang Kursi Pengajian Melayu, iaitu:

Jadual 3: Senarai nama penyandang Kursi Pengajian Melayu di seluruh dunia

Bil	Kursi dan Tempat	Nama Penyandang
-----	------------------	-----------------

1	Kursi Ohio University, Amerika Syarikat	Dato' Prof. Dr. Mohd Salleh bin Haji Din
2	Kursi Pengajian Melayu, Leiden University, The Netherlands	Prof. Dr. Mashudi Kader
3	Kursi Pengajian Melayu, Victoria University of Wellington, New Zealand	Prof. Othman Md. Yatim
4	Kursi Pengajian Melayu, Beijing Foreign Studies University (BFSU)	Prof. Dr. Awang bin Sariyan
5	Kursi Pengajian Melayu di Hankuk University, Korea	Dalam Pemilihan

Kursus-Kursus Bahasa Melayu di IPTA dan IPTS

Kursus-kursus dalam IPTA yang diajarkan dalam bahasa Melayu merupakan salah satu medium penyebaran yang sangat bermakna. Melalui penimbaan ilmu oleh pelajar dari luar negara membolehkan bahasa Melayu terus tersebar ke seluruh dunia. Antara kursus yang terdapat di IPT seperti yang ditawarkan melalui Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (APM-UM) <http://apm.um.edu.my/>, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, (JBM-FBMK-UPM) <http://www.fbm.upm.edu.my/v4/index.php?lang=my>, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris (JBM-UPSI) <http://fb.upsi.edu.my/>. Kewujudan laman-laman web sedemikian telah membantu menyebarkan bahasa Melayu ke seluruh dunia.

Di IPTS pula, kursus bahasa Melayu telah diwajibkan kepada pelajar dari luar negara. Mereka diwajibkan mengambil kursus-kursus asas dalam bahasa Melayu seperti bahasa LANH1103 Kebangsaan A atau nama-nama lain yang seumpamanya. Pelajar yang gagal dalam kursus yang diikuti akan dikehendaki mengulanginya. Ini bermakna bagi pelajar yang gagal dalam kursus tersebut akan mengagalkan mereka untuk bergraduat. Oleh hal yang demikian ilmu bahasa Melayu secara tersurat tersiratnya telah dapat disebarluaskan melalui ketetapan sedemikian.

Penguatkuasaan yang berterusan perlulah diperluas dan dipertingkatkan agar penyebaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing dapat dikuasai oleh mereka.

Kursus-Kursus dalam Bahasa Melayu di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Sehingga kini telah menampakkan semakin banyak kursus-kursus yang diperkenalkan di IPTA yang berasaskan kepada TMK. Oleh hal yang demikian dalam hal ini didapati penggunaan bahasa Melayu untuk mengajarkan kursus-kursus tersebut sebagai wadah dan pemangkin dalam usaha menyebarkan bahasa Melayu. Perkara ini dapat dilihat sama ada secara disedari atau tanpa disedari.

Di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya didapati kesemua jabatan yang menunjanginya terdiri daripada Jabatan Bahasa Melayu, Jabatan Linguistik Melayu, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Jabatan Sosio-Budaya Melayu dan Jabatan Kesenian Melayu telah menawarkan kursus-kursus yang berorientasikan multimedia dalam bahasa Melayu. Usaha ini dilakukan bagi membolehkan kursus-kursus yang diajarkan di akademi tersebut relevan dengan keperluan gunatenaga dalam sektor-sektor pekerjaan sama ada dalam sektor awam maupun sektor swasta. Lihat carta yang berikut :

Carta 1: Kursus-Kursus Berasaskan Multimedia

KURSUS-KURSUS YANG BERKAITAN DENGAN PENGURUSAN DAN MULTIMEDIA

JABATAN BAHASA MELAYU

JBEA 2309	:	Bahasa Melayu Berkomputer
JBEA 3313	:	Bahasa Melayu Dan Komunikasi
JBEA 3314	:	Bahasa Melayu Dan Multimedia
JBEA 3312	:	Terminologi Dalam Perancangan Bahasa Melayu
JBEA 3370	:	Latihan Industri

JABATAN SOSIO-BUDAYA MELAYU

JCEA 2113	:	Pengantar Perancangan Dan Pengurusan Budaya
JCEA 2214	:	Perancangan Industri Budaya
JCEA 2308	:	Masyarakat Melayu Dalam Era Industriisasi Dan Globalisasi
JCEA 2316	:	Pengurusan Sumber Sejarah Dan Budaya
JCEA 2317	:	Pengurusan Arkib, Muzium Dan Galeri
JCEA 3370	:	Latihan Industri

JABATAN LINGUISTIK MELAYU

JDEA 2111	:	Pengantar Linguistik Berkomputer
JDEA 2307	:	Perancangan Bahasa

JABATAN KESUSASTERAN MELAYU

JEEA 2306	:	Pengurusan Dan Pemasaran Kesusasteraan
JEEA 3304	:	Penyuntingan Sastera
JEEA 3316	:	Kesusasteran Dan Undang-Undang
JEEA 3317	:	Kesusasteraan Komersial
JEEA 3370	:	Latihan Industri

JABATAN KESENIAN MELAYU

JFEA 2120	:	Pembangunan Reka Bentuk Dua Dimensi
JFEA 2107	:	Pengurusan Dan Pentadbiran Seni
JFEA 2373	:	Pengurusan Teater
JFEA 2374	:	Dokumentasi Digital Kesenian Melayu
JFEA 2375	:	Animasi Kesenian Melayu
JFEA 3111	:	Pembangunan Reka Bentuk Tiga Dimensi
JFEA 3313	:	Industri Filem Di Malaysia
JFEA 3371	:	Pemasaran Produk Seni
JFEA 2372	:	Latihan Kerjaya Seni

Dengan cara ini juga menunjukkan bahawa penyebaran bahasa Melayu telah dapat dipertingkatkan, lebih-lebih lagi bagi pelajar yang mengikuti kursus-kursus tersebut adalah pelajar dari luar negara. Usaha ini juga sekali gus memperlihatkan pemartabatan bahasa Melayu dapat diperkasakan. Oleh hal yang demikian, seyogialah diwujudkan lebih banyak lagi kursus-kursus sedemikian bagi membolehkan produk IPT yang dikeluarkan nanti akan lebih berdaya saing bagi memenuhi keperluan gunatena sebagaimana yang diharapkan.

Pengajaran Kursus Bahasa Melayu dan Multimedia


Akademi/Fakulti/Pusat Jabatan	Akademi Pengajian Melayu Bahasa Melayu
Program	Sarjana Muda Pengajian Melayu
Kod Kursus Tajuk Kursus	JBEA3314 BAHASA MELAYU DAN MULTIMEDIA
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus	Tiada
Masa Pembelajaran Pelajar (SLT) Jam Kredit	3
Hasil Pembelajaran	Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Mendapat pengetahuan tentang teknologi maklumat dan multimedia. 2. Mengaplikasikan kemahiran teknologi maklumat dan multimedia dalam penggunaan bahasa Melayu. 3. Mengenalpasti jenis-jenis metafora pengarangan untuk merekacipta aplikasi-aplikasi multimedia. 4. Menghasilkan kerja kursus berasaskan kemahiran yang dipelajari.
Kemahiran Boleh Pindah	
Sinopsis Kandungan Kursus	1. Memperkenalkan konsep multimedia dan teknologi maklumat sebagai alat untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu. 2. Menguasai aplikasi-aplikasi pengarangan untuk membangunkan pakej perisian yang menggabungkan elemen media dalam satu aplikasi interaktif. 3. Menghasilkan animasi yang kompleks dengan menggunakan aplikasi interaktif. 4. Mengaplikasikan kemahiran pengarangan untuk merekacipta aplikasi-aplikasi multimedia. 5. Mempamerkan rekacipta yang dihasilkan.
Mod Penyampaian (kuliah, tutorial, bengkel, dll)	
Kaedah Penilaian Kaedah Maklum Balas Tentang Prestasi Kriteria Dalam Penilaian Sumatif	Penilaian Berterusan: 40% Peperiksaan: 60%

Sumber: Buku Panduan Program Ijazah Dasar, Akademi Pengajian Melayu Sesi 2009/2010

Kursus JBEA3314 Bahasa Melayu dan Multimedia ditawarkan kepada pelajar Semester 5 Tahun 3, iaitu pada setiap semester 1 Tahun Akhir. Melalui kursus tersebut pelajar akan didedahkan dengan kemahiran mengaplikasikan kemahiran bahasa Melayu dan multimedia. Perisian seperti *sound forge*, *adobe photoshop* dan *macromedia flash* akan diajarkan kepada pelajar untuk membolehkan mereka mengaplikasikan kemahiran-kemahiran tersebut dengan ilmu bahasa Melayu yang telah dipelajari sebelumnya seperti JBEA1101 Tatabahasa Bahasa Melayu I,

JBEA2212 Tatabahasa Bahasa Melayu II, JBEA2213 Tatabahasa Bahasa Melayu III dan JBEA3101 Tatabahasa Wacana Bahasa Melayu.

Hasilnya pelajar dapat menguasai kemahiran untuk menghasilkan pelbagai pengarangan bagi mengadaptasinya ke dalam multimedia yang mengadunkan gabungan teks, grafik, audio, animasi dan video di antara pengguna dan komputer sebagaimana yang telah mereka pelajari. Akhirnya mereka dapat menghasilkan kad-kad ucapan, banner, banting, kulit buku, poster dan sebagainya dengan daya kreativiti yang tinggi. Melalui *software flash* pula pelajar dapat menghasilkan pengarangan berasaskan lukisan dan pelbagai teknik lagi dengan menggunakan *tools* dalam *software* yang dipelajari. Contohnya pelbagai penghasilan pelajar melalui penguasaan kemahiran Bahasa Melayu dan Multimedia telah dapat dijana.



Flash:

1. [Kisah Sang Semut.swf](#)
2. [Tugasan 3 & 4 Hadi si budak nakal Eliza.swf](#)
3. [Tugasan 3 & 4 Sepuluh budak hitam.swf](#)

Pengajaran Kursus JBEA 3314 juga menggunakan aplikasi dalam talian, melalui program MOODLE <http://adec.um.edu.my/code/> pelajar akan dapat mengakses sebarang maklumat yang telah diletakkan oleh pengajar kursus. Melalui program tersebut juga pelbagai aktiviti boleh diadakan dalam memenuhi aktiviti pengajaran dan pembelajarannya seperti forum, kuiz dan

sebagainya. Namun demikian bagi membolehkan pelajar mengakses web yang disediakan itu, terlebih dahulu pelajar yang mengikuti kursus tersebut perlulah mendaftar sebagai peserta kursus. Bagi pelajar dari luar dan luar negara, mereka akan memperoleh input-input terkini yang telah dimuaturunkan ke dalam laman web tersebut pada bila-bila masa sahaja.

Selain dari itu juga, pelbagai laman web yang diwujudkan oleh pengendalinya seperti; *yahoo messenger* <http://www.yahoo.com/>, *facebook* <http://www.facebook.com/>, *friendster* <http://www.friendster.com/>, *myspace* <http://www.myspace.com/> dan sebagainya telah membolehkan interaksi dua hala dan komunikasi interpersonal dan kumpulan menjadi lebih hampir dan tanpa had sempadannya. Oleh hal yang demikian, dalam masa yang sama penyebaran bahasa Melayu turut tersebar ke serata pelusuk dunia. Namun demikian segala kemudahan yang disediakan itu perlulah dimanfaatkan dengan sebaik mungkin andainya tidak dikawal dengan baik melalui jati diri yang kukuh, segala kebaikan yang akan diperoleh melaluinya akan bertukar menjadi sebaliknya.

Dengan kepelbagaian fungsi dan produk yang dihasilkan oleh pengendali laman-laman web tersebut membolehkan interaksi yang berlaku begitu rencam dan amat pantas. Namun demikian dikhuatiri juga ada pihak yang tidak bertanggungjawab (penggodam) yang mengambil peluang untuk memusnahkan segala data-data yang dimuaturunkan melalui laman-laman web tersebut. Oleh hal yang demikian, pengguna laman-laman web tersebut hendaklah lebih berwaspada.

Kesimpulan

Kewujudan sistem komunikasi yang ditunjangi oleh kemajuan dalam TMK menjadikan penyebaran bahasa Melayu semakin pesat. Namun demikian suatu kesedaran yang tinggi perlulah ditanam dalam setiap jiwa sanubari dan benak akal orang yang menggunakan bahasa Melayu sebagai medium dalam TMK kerana dikhuatiri tanpa kesedaran yang tinggi dan keutuhan jati diri yang mantap akan menjadikan pengguna bahasa Melayu dalam sistem TMK tidak dapat menerapkan bahasa Melayu yang betul dan bersifat formal. Kebimbangan ini berasaskan kepada pemerhatian bahawa wujudnya krisis keyakinan di kalangan orang Melayu sendiri sebagaimana yang dinyatakan oleh Tan Sri Ismail Hussin dalam Syarahan Raja Ali Haji 1995 sebagaimana tersebut:

Kelas menengah Melayu baharu, yang kebanyakannya terdidik dalam sistem kebangsaan pada tahun-tahun 70-an dan dibendung oleh ekonomi terpimpin dalam dua dekad yang lalu, seolah-olah berasa tidak sabar lagi dengan dunia terbatas (Bahasa Melayu) yang telah melahirkannya, seolah-olah berasa dia dapat menguasai dunia terbuka (Bahasa Inggeris yang luas ... sikap yang ketara sekarang adalah sangat elitis sifatnya, yang kembali kepada zaman penjajahan dulu, ...

(Ismail Hussin, 1995, hlm 20)

Kesannya berkemungkinan akan membantut usaha yang berterusan bagi mempertingkatkan cita-cita untuk mencitrakan “Bahasa Melayu sebagai Bahasa Dunia”.

Bibliografi

- Manguin, P.-Y. 1996a. "The Early Archeology of Sriwijaya", *Indonesian Heritage*, jilid 1, *Ancient History*, J. Miskic (ed.), hlm. 54-55. Singapore: Archipelago Press.
- Ismail Hussin, 1995. *Bahasa Melayu di Dunia Melayu*. Syarahan Raja Ali Haji 1995. Persatuan Linguistik Malaysia.
- James T. Collins, 2005. "Bahasa Melayu, Bahasa Dunia – Sejarah Singkat", Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- James T. Collins, 2009. "Bahasa Sanskerta dan Bahasa Melayu", Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia (KPG).
- Buku Panduan Program Ijazah Dasar Sesi 2009/2010. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- <http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php>. diakses pada 01.09.2009
- http://www.dbp.gov.bn/library_Info/main.htm, diakses pada 01.09.2009
- <http://dbp.gov.my/mabbim/main.php>, diakses pada 01.09.2009
- <http://www.itnm.com.my/> diakses pada 01.09.2009
- <http://www.bharian.com.my/>, diakses pada 01.09.2009
- <http://www.utusan.com.my/> diakses pada 31.08.2009
- <http://malay.cri.cn>. diakses pada 01.09.2009
- <http://www.um.edu.my/> diakses pada 30.08.2009
- <http://www.upm.edu.my/>, diakses pada 30.08.2009
- <http://www.upsi.edu.my/>, diakses pada 30.08.2009
- www.cri.co.cn. diakses pada 29.08.2009
- <http://apm.um.edu.my/>, diakses pada 28.09.2009
- <http://www.fbm.upm.edu.my/v4/index.php?lang=my>, diakses pada 28.09.2009
- <http://fb.upsi.edu.my/>. diakses pada 28.09.2009
- <http://adec.um.edu.my/code/> diakses pada 28.09.2009
- <http://www.yahoo.com/>, diakses pada 26.08.2009
- <http://www.facebook.com/>, diakses pada 26.08.2009
- <http://www.friendster.com/>, diakses pada 26.08.2009
- <http://www.myspace.com/>, diakses pada 26.08.2009
- <http://esastera.com> atau <http://www.e-sastera.com>. diakases pada 24.08.2009

Lampiran



Kembara Sutera Mac 2008

E-majalah pelancongan dalam bahasa Melayu:
"Kembara Sutera" jilid kedua 2009 telah dilancarkan.
Klik bahagian kanan tetikus untuk muat turun
(melalui laman web CRI).